

**IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN KONTRAK TAHUN 2023  
HOSPITAL SULTAN ABDUL AZIZ SHAH, UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

<b>BIL.</b>	<b>JAWATAN</b>	<b>GRED</b>	<b>GOOGLE FORM</b>
1.	PEGAWAI PEMULIHAN PERUBATAN	U41	<a href="https://forms.gle/GqLWcyLnb1enkL4A7">https://forms.gle/GqLWcyLnb1enkL4A7</a>

**TARAF JAWATAN : KONTRAK**  
**TERMA LANTIKAN : SEPENUH MASA**  
**TARIKH TUTUP IKLAN : 24 MAC 2023**

#### **CARA MEMOHON**

Pemohon dikehendaki mengisi *Google Form* (pautan disertakan diatas) bersama borang **Permohonan Jawatan Kumpulan Pengurusan dan Profesional** (yang berkaitan dengan jawatan) dan sertakan dokumen-dokumen seperti Senarai Semak Temuduga yang dilampirkan.

Perhatian:-

- a. Permohonan yang tidak lengkap atau lewat diterima atau tidak mengikut peraturan memohon boleh menyebabkan permohonan tidak akan dilayan;
- b. Hanya calon yang dipilih dalam saringan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga;
- c. Permohonan yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.

Sebarang pertanyaan, mohon hubungi Unit Sumber Manusia di [job\\_hsaas@upm.edu.my](mailto:job_hsaas@upm.edu.my) atau 03-9769 9055/9056/9072.

**JAWATAN: PEGAWAI PEMULIHAN PERUBATAN GRED U41**

**Kumpulan** : **Pengurusan dan Profesional**  
**Gaji Pokok** : **RM2,429.00**  
**Bidang** : **Pertuturan**

**SYARAT LANTIKAN**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c) Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang pemulihan perubatan (pertuturan) atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

**SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**SYARAT TAMBAHAN UNIVERSITI**

Calon yang mempunyai sekurang-kurangnya **tiga (3) tahun** pengalaman bekerja di dalam bidang pertuturan akan diberi keutamaan.

**RINGKASAN TUGAS**

**Umum**

Bertanggungjawab menjalankan pemulihan dan rehabilitasi masalah penelanan, komunikasi, kelancaran bertutur, masalah suara serta memberi khidmat kaunseling kepada pesakit.

**Khusus**

Bertanggungjawab dalam fungsi klinikal iaitu aspek perawatan pemulihan pesakit dalam bidang pengkhususan berkaitan. Bertanggungjawab dalam fungsi pengurusan dan latihan iaitu membuat penilaian, perancangan dan pengurusan program pemulihan rehabilitasi terhadap pesakit-pesakit serta bertanggungjawab dalam fungsi pengajaran dan pembelajaran (P&P) dan penyelidikan.